



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM SASAR 60 PERATUS PENYERTAAN TENAGA BURUH WANITA MELALUI EKONOMI MADANI

**KUALA LUMPUR, 29 OGOS** – Inisiatif Ekonomi Malaysia MADANI membuktikan komitmen Kerajaan memperkasa pembangunan wanita kepada inisiatif yang berfokus untuk menghapuskan diskriminasi yang mungkin menghalang penglibatan aktif wanita dalam bidang pekerjaan.

Sesi Diskusi Khas Kasih Wanita: Ekonomi MADANI Memperkasa Wanita hari ini telah disempurnakan oleh YABhg Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, isteri YAB Perdana Menteri di *Royale Chulan*, Kuala Lumpur. Sesi ini adalah antara usaha yang dijalankan oleh KPWK M dalam menyumbang inisiatif yang diwujudkan kementerian selaras dengan pengumuman **Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat** oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2023 lalu.

Bagi mencapai sasaran kadar tenaga buruh sebanyak 60 peratus, KPWK M telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi golongan wanita yang merangkumi empat (4) aspek utama iaitu **Wanita dan Ekonomi** iaitu Program Penjanaan Pendapatan, **Wanita Selamat** berkaitan Program Advokasi Antigangguan Seksual dan Kesedaran Menangani Keganasan dan Diskriminasi Terhadap Wanita, **Wanita Sejahtera** iaitu Program Kesejahteraan Dan Kesihatan Wanita; dan **Wanita dan Kepimpinan** melalui Dasar 30 peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan.

Sebagai penanda aras kementerian, KPWK M telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita untuk Kembali Bekerja yang mana 80 peratus nilai gaji diinsuranskan sebagai galakkan kaum wanita kembali bekerja. Majikan juga turut memainkan peranan serta bertanggungjawab dalam penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di premis dengan mudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat.

Inisiatif lain yang diwujudkan adalah pemberian subsidi untuk memperkasa dan memperluas akses pendidikan awal kepada kanak-kanak dengan penyediaan pusat jagaan di pejabat selain penyediaan subsidi yuran taska kepada penjawat awam melalui pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu.

Dalam memastikan kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 60 peratus, isu keselamatan wanita wajib diberikan keutamaan. Keselamatan ini melibatkan perkara seperti penyediaan dan pematuhan garis panduan antigangguan seksual di tempat kerja sepertimana yang sedang diuar-uarkan oleh KPWKM perlu diberikan keutamaan.

Persekitaran kerja yang selamat dan kondusif penting untuk wanita terutama yang sudah berkeluarga. Kemudahan perkhidmatan penjagaan (*care service*), dasar penjagaan berkaitan pekerjaan (*employment-related care policies*), kemudahan untuk wanita mengandung dan menyusu perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

KPWKM dengan kerjasama sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) komited menggembleng tenaga dalam menjayakan agenda ini supaya semua wanita dapat diperkasakan secara inklusif dan bangkit mendepani cabaran semasa. Isu pemeraksanaan wanita dalam kadar penyertaan tenaga buruh secara berterusan memerlukan sokongan semua pihak secara inklusif dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Hadir sama pada Sesi Diskusi Khas ini ialah YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri KPWKM, YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri KPWKM, YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi, YB Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Musa, Ahli Dewan Negara dan YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
29 OGOS 2023**